

06/07/2002

Lebih 15,000 sambut Dr M

ALOR STAR, Jumaat - Kepulangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negeri kelahirannya Kedah disambut lebih 15,000 orang daripada pelbagai kaum dan peringkat umur di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, dekat sini, hari ini.

Lawatan sehari Perdana Menteri itu adalah yang pertama sejak pengumuman peletakan jawatannya yang menggemparkan negara pada 22 Jun lalu.

Sejurus tiba dengan pesawat khas jam 9 pagi, Dr Mahathir disambut pemimpin kerajaan negeri dan penyokong Barisan Nasional (BN) yang menunggunya sejak awal pagi.

Perdana Menteri kemudian menyampaikan ucapan bagi menyatakan rasa terima kasih kerana sambutan meriah itu.

Penutupan jalan utama ke lapangan terbang sejak jam 7.30 pagi, tidak mematahkan semangat rakyat yang berjalan kaki ke lapangan terbang. Malah ramai membawa anak masing-masing bagi menatap wajah pemimpin kesayangan mereka itu.

Sokongan rakyat kepada Dr Mahathir jelas kelihatan di pekarangan lapangan terbang dengan sorakan "Hidup Mahathir" dan "Hidup Umno". Pelbagai sepanduk menyatakan kesetiaan kepada Dr Mahathir dikibarkan di sepanjang jalan Anak Bukit dan pekarangan lapangan terbang.

Antara tulisan yang tertera termasuk "Mahathir Perjuanganmu Belum Selesai, Jangan Tinggalkan Kami"; "Selamat Datang Wira Malaysia"; "Dr Mahathir Malaysia Boleh Kerana Kepemimpinanmu" dan "Selamat Pulang Dr M Wira Tanah Air".